

18 FEB 2003

NAM-Kempen (Bergambar)

SEKTOR PELANCONGAN SERTA KEMPEN SEJUTA TANDATANGAN

KUALA LUMPUR, 18 Feb (Bernama) -- Kempen sejuta tandatangan anjuran Perikatan Keamanan Rakyat Malaysia (AMAN Malaysia) turut mendapat sokongan industri pelancongan.

Antara yang tampil menyatakan sokongan terhadap kempen tersebut hari ini ialah Persatuan Hotel-hotel Malaysia (MAH), Persatuan Pemilik Hotel Malaysia (MAHO), Persatuan Agensi Pelancongan dan Pengembaraan Malaysia (Matta) dan Persatuan Teksi dan Kereta Sewa Selangor dan Wilayah Persekutuan.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir memberitahu media selepas majlis sokongan itu bahawa selaras dengan program tersebut, pemilik hotel sekitar Lembah Klang setuju mengadakan kaunter khas di lobi-lobi hotel untuk mengumpulkan tandatangan.

Sementara itu, Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Tun Hussein yang hadir sama berkata, beliau amat berpuas hati dengan prestasi kempen pengumpulan tandatangan itu yang hanya dimulakan kira-kira enam minggu lepas.

Kempen itu telah berjaya mengumpulkan lebih sejuta tandatangan di samping berjaya membawa pembabitan 1,100 persatuan, katanya.

Beliau berkata Sakretariat AMAN Malaysia kini berusaha menghasilkan satu deklarası rakyat Malaysia berhubung keamanan yang akan diserahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam satu perhimpunan di Stadium Nasional, Bukit Jalil pada 23 Feb ini.

Deklarasi itu akan diserahkan kepada semua pemimpin yang hadir pada Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) ke-13 di sini dari 20 hingga 25 Feb ini.

Hishammuddin berkata deklarası itu adalah hasil daripada rumusan yang dibuat dalam beberapa aktiviti AMAN Malaysia sebelum ini seperti Forum Keamanan, seminar, perjumpaan dan sebagainya.

Beliau turut menggesa semua pihak mengambil inisiatif mengibarkan bendera "Malaysian for Peace" di serata tempat, terutama semasa Sidang Kemuncak NAM.

"Kalau boleh kita mahukan supaya setiap perwakilan luar yang datang untuk NAM ini dapat melihat bendera tersebut berkibar sebaik sahaja mereka menjejakkan kaki ke negara ini," katanya.

-- BERNAMA

AZH MFJ MOZ